

Santai menyusuri sungai



Jika sebelum ini mereka yang datang ke Melaka berasa tidak cukup lengkap percutian kalau tidak berkunjung ke tempat bersejarah atau singgah makan ikan bakar di Umbai atau Serkam, kini Melaka menawarkan pakej yang berbeza tetapi cukup berbaloi iaitu menyusuri Sungai Melaka.

KOSMO 04/11/2006

MASIH saya teringat betapa hitam dan likatnya air Sungai Melaka pada tahun 1990. Ketika itu, saya ialah pelajar Institut Teknologi Mara (kini UiTM) cawangan Melaka. Saya dan rakan-rakan sekuliah pernah beberapa kali menjelajah bumi Hang Tuah ini pada cuti hujung minggu.

Semasa kami meniti sebuah jambatan yang di bawahnya mengalir kotor Sungai Melaka, kami terpaksa menutup hidung kerana tidak tahan dengan baunya yang busuk.

Justeru apabila saya dan jurugambar, Hafiz Johari dibawa oleh pihak Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) menyusuri Sungai Melaka baru-baru ini, saya tertanya-tanya bagaimanakah rupa sungai itu yang kali terakhir saya melihatnya ialah kira-kira 16 tahun lalu.

Mengiring kami menyusuri Sungai Melaka pada hari itu ialah kakitangan PPSPM, Siti Zuriah Mohamed Yahaya. Dia menyakinkan saya bahawa kualiti air Sungai Melaka tidaklah seperti yang saya bayangkan. Apa yang dikatakannya benar sebaik sahaja kami sampai di jeti Melaka River Cruise di Bandar Hilir.

"Dah okeylah air sungai ini... taklah hitam macam dulu," kata saya ketika kami berada di dalam bot persiaran yang mirip seperti yang terdapat di St. Antonia, Texas, Amerika Syarikat.

"Memang pun... jika tak bersih, tentu puluan ekor biawak yang hidup di Kampung Jawa tidak turun ke sungai untuk mencari makanan," katanya sambil menunjuk ke arah sekumpulan biawak yang terdampar di batu besar di tepi sungai.

Sambil mata liar memandang tebing kiri dan kanan Sungai Melaka, apa yang disajikan kini masih belum siap sepenuhnya. Sungguhpun begitu, rumah persendirian yang terletak di tepi sungai ini telah pun diperindahkannya.



PERKAMPUNGAN tradisional di pesisiran sungai yang sungguh mendamaikan.

Daripada pemerhatian, projek pembinaan siar kaki terapung di Sungai Melaka sedang rancak dijalankan dan apabila siap kelak ia bakal mewarnai keindahan pesisir sungai itu.

"Sepanjang siar kaki itu pula terdapat deretan kafe moden yang boleh disinggahi oleh pelancong untuk menjamu selera sambil bersantai," kata Siti Zuriah.

Jurumudi bot yang kami naiki, Rahim Abdullah dan Sebastian Marsh menyampuk dengan berkata: "Bila projek fasa ketiga iaitu pembinaan pintu pasang surut yang akan mengawal paras air Sungai Melaka siap pada tahun depan, aktiviti menyusuri sungai ini boleh dilakukan sepanjang masa," kata mereka.

Buat masa ini, aktiviti itu hanya dapat diadakan ketika air pasang iaitu sekitar

pukul 9 pagi hingga 10 pagi dan 2 petang hingga 6 petang mengikut hari dan bulan tertentu.

Bagaimanapun pada hari tinjauan ini dilakukan, kami tidak dapat meneruskan aktiviti ini sampai ke destinasi terakhir di Taman Rempah Ratus, Pengkalan Lama kerana terdapat halangan di tengah sungai iaitu pembinaan fasa kedua yang sedang rancak dijalankan.

Jarak keseluruhan menyusuri Sungai Melaka pergi dan balik ialah kira-kira sembilan kilometer dengan mengambil masa selama satu jam.

Antara panorama yang boleh dilihat sepanjang perjalanan itu ialah bangunan merah dengan ciri seni bina Belanda, kafe moden yang menawarkan sajian Barat, Kampung Jawa iaitu tarikan utama kedai sate paling popular di Melaka, manakala Kampung Hulu adalah kam-

pung terawal di Melaka. Di sini juga terdapat masjid terawal yang dibina di negeri ini.

Kampung Morten pula telah diwartakan di bawah Enakmen Pemuliharaan dan Pemugaran Warisan Budaya pada tahun 1988. Ia merupakan warisan sejarah perkampungan tradisional di Melaka. Justeru sebarang kerja mengubahsuai rumah penduduk, mestilah mendapat keizinan daripada kerajaan negeri. Villa Sentosa pula merupakan rumah biru yang dijadikan muzium persendirian yang menampilkan koleksi barangan antik Melayu dan sejarah Kampung Morten.

Selepas melewati kesemua kawasan itu, para pelancong akan dibawa berpatah balik ke muara Sungai Melaka.

Dalam perjalanan ke sana, kita boleh melihat replika kapal Portugis, Flor De Lamar, yang merupakan kapal barang milik Portugal yang karam di Lautan Hindi. Replika kapal itu diwujudkan untuk dijadikan Muzium Samudera.

"Muara asal Sungai Melaka dan Selat Melaka adalah di mana terletaknya pangkalan polis marin di sebelah kiri kita.

"Kawasan tanah yang memanjang dari pangkalan ini sehingga melepasi Jambatan Sultan Abdul Aziz adalah kawasan laut yang telah ditebus guna pada tahun 1980-an," kata Siti Zuriah.

Sebenarnya, projek pengindahan dan pembersihan Sungai Melaka telah bermula pada tahun 2002 dan dijangka siap pada akhir tahun 2007. Selain bertujuan mencantikkan pesisiran Sungai Melaka bagi tujuan riadah dan siar kaki, projek itu juga melibatkan penyaluran semua air sisa dari kawasan bandar ke loji pembersihan sebelum dilepaskan semula ke sungai.

Sebelum ini, semua air sisa dan limpahan dari bangunan di sepanjang tebing Sungai Melaka disalurkan terus ke dalam sungai itu sehingga menjadikan airnya hitam likat dan berbau busuk. - ROHANA MAN